

Isnin – 03 Ogos 2020

Halaman :



**Juruterbang Unit Udara JBPM bersama penduduk mengusung wanita yang menghidap demam panas dan asma kritis di Kampung Tendrik, Pos Bihai, semalam.**

(Foto ihsan bomba)

## Redah jalan berselut bantu usung pesakit Orang Asli

**Gua Musang:** Seorang juruterbang Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) bersama beberapa penduduk terpaksa meredah jalan berselut dan mengusung pesakit wanita Orang Asli yang menghidap demam panas serta asma kritis di Kampung Tendrik, Pos Bihai, sebelum dibawa menaiki helikopter ke Hospital Gua Musang (HGM), semalam.

Pengguna Kanan Bomba I, Faiyal Izani Azizan bersama kru mengusung pesakit terbabit, Amoi Angah, 58, di jalan berselut itu sejauh 300 meter ke lokasi pendaratan helikopter.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Udara Subang, Mohd Farhan Marzuki, berkata pihaknya me-

**Sebaik mendarat di kampung itu, juruterbang terpaksa meredah jalan balak yang rosak teruk dan berselut untuk sampai ke rumah pesakit.**

**Walaupun berdepan halangan itu, tetapi ia tidak menjelaskan penerbangan ihsan terbabit.**

**Faizal Izani Azizan,**  
Pengguna Kanan Bomba I

nerima panggilan pada jam 10 pagi daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Gombak berhubung pesakit wanita itu.

Katanya, kru pesawat Agusta AW139 (9M-BOC) kemudian berlepas dari Pangkalan Udara Bertam, Pulau Pinang pada jam 1.47 tengah hari dan mendarat di Kampung Tendrik, pada jam 2.35 petang.

“Sebaik mendarat di kampung itu, juruterbang terpaksa merebah jalan balak yang rosak teruk dan berselut untuk sampai ke rumah pesakit.

“Walaupun berdepan halangan itu, tetapi ia tidak menjelaskan penerbangan ihsan terbabit kerana matlamatnya membantu pesakit,” katanya di sini, semalam.